

Kertas Bil. 46/2015



**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
(PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR
BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2014**

**Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam
(Public Accounts Committee (PAC) Berhubung Isu-Isu Pada Tahun 2014**

1. Pendahuluan :

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor atau Public Accounts Committee (PAC) dalam Bahasa Inggeris ditubuhkan di bawah Peraturan Tetap 68, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor untuk menyemak dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan tadbir urus Negeri Selangor.

A) Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Ketiga Belas pada 7 April 2014 terdiri daripada :

- | | | |
|------|---|-----------|
| i) | Y.B Tuan Ng Suee Lim
(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| ii) | Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
(ADN Kawasan Kajang) | Ahli |
| iii) | Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
(ADN Kawasan Batu Caves) | Ahli |
| iv) | Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| v) | Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |
| vi) | Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| vii) | Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
(ADN Kawasan Bangi) | Ahli |

B) Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Ketiga Belas pada 4 Disember 2014 terdiri daripada:

- | | | |
|------|---|-----------|
| i) | Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Pengerusi |
| ii) | Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| iii) | Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
(ADN Kawasan Kajang) | Ahli |

- iv) Y.B Tuan Ng Suee Lim (ADN Kawasan Sekinchan) Ahli
 - v) Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (ADN Kawasan Batu Tiga) Ahli
 - vi) Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong) Ahli
 - vii) Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (ADN Kawasan Meru) Ahli
- (C) Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Ketiga Belas pada 9 April 2015 terdiri daripada:
- i) Y.B. Tuan Ng Suee Lim (ADN Kawasan Sekinchan) Pengerusi
 - ii) Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro (ADN Kawasan Jeram) Ahli
 - iii) Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (ADN Kawasan Kajang) Ahli
 - iv) Y.B Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias (ADN Kawasan Sungai Burong) Ahli
 - v) Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (ADN Kawasan Batu Tiga) Ahli
 - vi) Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong) Ahli
 - vii) Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (ADN Kawasan Meru) Ahli

Berikut ialah tarikh-tarikh Jawatankuasa PAC telah bermesyuarat pada tahun 2014. Jawatankuasa PAC bermesyuarat dengan kuorum yang cukup.

Bil	Tarikh Mesyuarat
1	29 April 2014
2	8 Mei 2014
3	3 Julai 2014
4	17 Julai 2014
5	9 Oktober 2014
6	30 Oktober 2014

Jawatankuasa PAC telah menghadiri satu Persidangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) Negeri 2014 pada 6 November 2014 dari 8:30 pagi hingga 5 petang bertempat di Hotel Ramada Plaza, Melaka.

2. Aturan Kerja Jawatankuasa :

Cara semakan dijalankan di dalam mesyuarat PAC ialah dengan:-

- a) mengenal pasti isu yang berbangkit
- b) mengenal pasti pihak yang perlu memberi penjelasan
- c) tatacara semasa penjelasan berlangsung
- d) bagaimana penemuan ditentukan; dan
- e) bagaimana syor diputuskan.

3. Item-item Semakan

3.1 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Siri 1)

- a) Isu: Pengurusan Rumah Kediaman Rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- b) Jabatan: Jabatan Audit Negara Negeri Selangor dan Bahagian Khidmat Pengurusan
- c) Tarikh panggilan: 29 April 2014 dan 8 Mei 2014
- d) Kehadiran: Puan Ang Nai Har (Pengarah Jabatan Audit Negeri Selangor) dan Tuan Haji Zamani Ahmad bin Mansor (Setiausaha Bahagian BKP)
- e) Penemuan :
 - i. Pembinaan Rumah Kediaman Rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) adalah bagi memudahkan orang ramai/pegawai kerajaan berurusan dengan ahli MMKN selain memudahkan ahli MMKN dan Speaker Dewan Negeri mengadakan perbincangan;
 - ii. Kos pembinaan Rumah Kediaman Rasmi Ahli MMKN berjumlah RM 27.91 juta dan meliputi harga tanah RM 4.29 juta, bangunan serta perabot dan kelengkapan bernilai RM 22.31 juta serta kos perunding RM 1.31 juta;
 - iii. Rumah Kediaman Rasmi Ahli MMKN telah diduduki secara optimum bagi bulan Jun 2005 hingga Mac 2008 iaitu selama 32 bulan (93.8%) daripada 34 bulan. Bagaimanapun, setelah Rumah Kediaman Rasmi Ahli

MMKN ditukar status ke Rumah Kerajaan mulai 26 Mac 2008, Rumah Kerajaan tersebut secara puratanya hanya diduduki selama 4 bulan (6.8%) daripada 65 bulan bagi tempoh April 2008 hingga Ogos 2013;

- iv. Sembilan (9) daripada sepuluh (10) Rumah Kerajaan tersebut mengalami kerosakan yang teruk.
- v. Rumah Kerajaan tersebut mempunyai kos utiliti dan kos penyelenggaraan yang tinggi berjumlah RM 6.88 juta setahun.
- vi. Pihak pengurusan Rumah Kerajaan tidak menetapkan secara terperinci berhubung kategori pegawai yang layak menduduki Rumah Kerajaan tersebut menyebabkan Rumah Kerajaan tidak mendapat sambutan yang menggalakkan di antara kakitangan kerajaan.
- vii. Pemotongan imbuhan daripada gaji ahli MMKN tidak mencukupi untuk menampung kos penyelenggaraan yang tinggi.
- viii. PKNS merupakan pemilik hartanah dan aset kediaman rasmi tersebut.
- ix. MMKN membuat keputusan melalui mesyuarat MMKN ke 16/2013 pada 12 Jun 2013 yang memutuskan bahawa kunci Rumah Kerajaan Seksyen 7, Shah Alam diserahkan kepada ahli MMKN untuk diduduki.
- x. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bersetuju dengan Pejabat Dewan Negeri supaya kertas ringkasan kepada MMKN disediakan yang mengandungi cadangan menjelaskan kategori pegawai yang layak menduduki rumah tersebut serta kadar potongan elaun yang akan dikenakan.
- xi. Pihak Unit Pengurusan dan Bangunan (UPB) mengambil tindakan membaiki dan menyenggara kerosakan di rumah rasmi tersebut pada bulan Disember 2013. Sebut harga untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dibuka pada 28 Mac 2014 bagi kerja menaik taraf sistem perpaipan.
- xii. Mulai Disember 2013, pihak UPB membuat pemantauan berkala sebanyak dua kali sebulan bagi memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan mengikuti spesifikasi kontrak. Tindakan pemotongan bayaran juga telah dikenakan ke atas kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang tidak dilaksanakan.

- xiii. Laporan Pemeriksaan (KEW.PA-10 dan KEW.PA-11) yang meliputi proses rekod dan mendaftarkan senarai-senarai aset alih yang sedia ada bagi tahun 2014 akan dikemukakan selewat-lewatnya sebelum 15 Mac 2015.
 - xiv. Kerja-kerja penyenggaraan penghawa dingin akan dilakukan berdasarkan aduan daripada penghuni selaras dengan arahan ahli MMKN (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan) yang menetapkan supaya mengecilkan skop kerja penyenggaraan daripada komprehensif kepada bukan komprehensif.
- f) Syor PAC:
- i. Aset PKNS Rumah Kediaman Rasmi MMKN harus dipindah milik atau diwartakan di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri.
 - ii. Rumah MMKN perlu sentiasa diselenggarakan dengan baik dan berada dalam keadaan yang kondusif.

3.2. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)

- a) Isu: Perancangan Pembinaan Perumahan Mampu Milik serta Dasar Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Kepada Pemaju Dalam Menetapkan Kuota Bumiputera Bagi Perumahan Mampu Milik
- b) Jabatan: Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
- c) Tarikh panggilan: 8 Mei 2014
- d) Kehadiran: Puan Norzaton Aini binti Mohd Kassim (Pengarah Eksekutif LPHS)
- e) Penemuan :
 - i. Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sasaran pembinaan 35 ribu unit Rumah Selangorku menjelang tahun 2018.
 - ii. LPHS diberikan mandat untuk membangunkan sekurang-kurangnya 5 ribu unit Rumah Selangorku.

- iii. LPHS bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk mengenal pasti tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk membangunkan Rumah Selangorku.
- iv. LPHS mempunyai dua kaedah untuk memperoleh tanah bagi membangunkan Rumah Selangorku iaitu melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan melalui serahan tapak yang belum dibangunkan oleh pemaju. Antara jenis tapak yang diserahkan oleh pemaju kepada LPHS ialah tapak RKR (Rumah Kos Rendah), tapak RKSR (Rumah Kos Sederhana Rendah) dan tapak RKS (Rumah Kos Sederhana).
- v. Sebahagian tanah milik MBI berkeluasan 68.24 ekar di Sungai Sering, Hulu Kelang, Gombak telah diputuskan oleh MMKN untuk dibangunkan projek perintis Rumah Selangorku.
- vi. Cadangan pecahan pembangunan yang akan dimulakan pada bulan September 2014 pada tapak tanah projek perintis Rumah Selangorku termasuk Bahagian A yang mengandungi 33 ekar kawasan rata dan 22 ekar kawasan bercerun serta Bahagian B yang seluas 13.24 ekar dan mengandungi tapak Pangsapuri Kos Rendah sedia ada dan rizab sekolah.
- vii. Kerajaan Negeri memutuskan untuk melantik LPHS sebagai pemaju/penyelaras projek dan Tetuan Eco World Ukay Sdn Bhd sebagai Perunding Pengurusan Projek (PMC).
- viii. Pada masa kini, LPHS mempunyai 7 buah tanah dalam 'land bank' yang berpotensi untuk dibangunkan Rumah Selangorku dengan keluasan keseluruhan sebanyak 35.38 ekar.
- ix. Tanah tersebut terletak di kawasan Lembah Klang dan dihubungkan dengan jalan-jalan utama serta mempunyai kemudahan pengangkutan awam.
- x. Perincian tanah-tanah tersebut serta anggaran jumlah unit Rumah Selangorku adalah seperti berikut:

Bil	No PT/No Hakmilik	Keluasan (ekar)	Anggaran Unit	Lokasi
1	2511/HS(D) 277353	2.03	100	Seksyen U1, Glenmarie, Shah Alam, Daerah Petaling
2	2512/HS(D) 277354	3.30	200	
3	2513/HS(D) 277355	3.77	200	
4	142891/HS (D) 150402	3.72	200	Seksyen 35, Shah Alam, Daerah Klang
5	142920/HS (D) 150417	11.88	751	
6	1237	5.59	300	Berhampiran Taman Bangi Indah, Kajang, Daerah Hulu Langat
7	1238	5.09	300	
Jumlah Keseluruhan		35.38	2051	

- xi. LPHS bertindak sebagai tuan tanah dan pemaju di mana segala konsep dan perancangan pembangunan Rumah Selangorku akan dilaksanakan sepenuhnya oleh LPHS manakala Kontraktor akan dilantik secara tender terbuka.
- xii. Segala kos pembinaan/pembangunan projek tersebut menggunakan dana pusingan sebanyak RM 100 juta daripada rizab negeri yang diluluskan di dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13 baru-baru ini.
- xiii. Peratusan kuota Bumiputera ditetapkan di antara 30%-70% dengan mengambil kira faktor penempatan penduduk, ekonomi semasa serta aktiviti sosial setempat di samping analisa terhadap kedapatan tanah berpotensi yang boleh dibangunkan.
- xiv. Keputusan muktamad berkenaan penetapan kuota jualan bumiputera diputuskan di peringkat MMKN berdasarkan kertas pertimbangan yang disediakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS).

f) Syor PAC :

- i. LPHS perlu memastikan pembeli Rumah Selangorku merupakan pembeli yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan supaya tidak berlaku penyelewengan.
- ii. Kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan cerun seluas 22 ekar dalam Projek Perintis Rumah Selangorku di Sungai Sering harus dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Jika kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan membebankan penghuni, pada masa hadapan, pembinaan Rumah Selangorku tidak harus didirikan di kawasan yang bercerun.
- iii. Kerajaan Negeri harus mengambil inisiatif dan bertanggungjawab terhadap semua isu penyenggaraan rumah mampu milik dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan di samping memperkasakan peranan COB (Commissioner of Building). Kerajaan Negeri boleh menyediakan dana, kepakaran yang mencukupi serta melantik agen seperti LPHS untuk menguruskan penyenggaraan rumah mampu milik serta persekitarannya.

3.3.1 Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

- a) Isu: Peruntukan Pembangunan Sekolah Rendah Agama Bukit Changgang Yang Dibelanjakan Kurang Daripada 50%
- b) Jabatan: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- c) Tarikh panggilan: 17 Julai 2014
- d) Kehadiran: Tuan Haji Ahmad Zaki bin Arshad
(Timbalan Pengarah JAIS)
- e) Penemuan :
 - i. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2012 muka surat 27, JAIS telah diperuntukkan RM 50 ribu sebagai permulaan daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membina Sekolah Rendah Agama Bukit Changgang yang terletak di dalam kawasan sekolah di kawasan lapang dan terdapat gelanggang futsal lama.

- ii. Pada 23 November 2012, mesyuarat Pra Pembinaan telah diadakan di Bangunan JKR Kuala Langat memaklumkan bermulanya tarikh masuk tapak pihak kontraktor untuk Projek Membina Dan Menyiapkan Satu Blok Empat Tingkat Bangunan Tambahan Sekolah Dan Lain-lain Kerja Berkaitan di SRA Bukit Changgang, Daerah Kuala Langat.
- iii. Pada 27 November 2012, semasa pihak kontraktor menjalankan kerja-kerja membersihkan kawasan pembinaan termasuk merobohkan gelanggang futsal sedia ada, pihak kontraktor didatangi beberapa orang penduduk di kawasan itu bersama-sama wakil Persatuan Belia memohon agar kerja-kerja dihentikan serta menyarankan pihak kontraktor agar tidak merobohkan gelanggang futsal sedia ada dan projek pembinaan dijangka di kawasan yang lain.
- iv. Pada 12 Disember 2012, pihak JAIS telah mengadakan satu mesyuarat yang dianjurkan oleh Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit iaitu perobohan gelanggang futsal dan penutupan jalan yang merentasi kawasan tapak pembinaan yang dihadiri oleh wakil JAIS, wakil penduduk dan juga wakil sekolah. Satu kata sepakat telah diperolehi dengan pihak Persatuan Belia bersetuju agar "hoarding" pembinaan tidak menutup jalan sedia ada serta pihak JAIS akan mengeluarkan kos bagi pembinaan jambatan untuk merentasi parit sedia ada untuk memudahkan laluan keluar masuk sewaktu pembinaan dijalankan dan tidak mengganggu aliran perjalanan sewaktu persekolahan berlangsung.
- v. Pada 20 Mei 2013, mesyuarat tapak No.7, pihak kontraktor memaklumkan terdapat masalah di tapak di mana kerja-kerja 'foundation' tidak dapat diteruskan kerana ada pergerakan tanah yang perlu dikaji. Pergerakan tanah tersebut disebabkan oleh tanah berair. Masalah tersebut menjejaskan kerja-kerja kontraktor. Terdapat juga halangan daripada pihak penduduk dalam proses mengeluarkan tanah dari tapak bina di mana halangan terhadap lori untuk keluar masuk ke kawasan pembinaan disebabkan waktu pilihan raya.

- vi. Pada 26 Jun 2013, pihak kontraktor memohon lanjutan masa No 1 atas alasan halangan pihak ketiga untuk melaksanakan kerja di tapak dan pembinaan tembok penahan sementara (sheet pile) dan menyiapkan baki kerja pembinaan tetopi cerucuk. Pada 10 hb Julai 2013, pihak JKR Selangor telah meluluskan lanjutan masa sebanyak 103 hari. Tarikh siap setelah lanjutan ialah 3 hb Februari 2014.
- vii. Pada 25 November 2013, pihak kontraktor memaklumkan terdapat beberapa bahagian bangunan tidak dapat dijalankan disebabkan tetopi cerucuk yang patah akibat pergerakan tanah. Pihak kontraktor mendapat arahan supaya mereka bentuk semula cerucuk. Sehubungan dengan itu, lanjutan masa No 2 dipohon oleh pihak kontraktor. Pada 21hb Januari 2014, pihak JKR Selangor meluluskan lanjutan masa sebanyak 103 hari. Tarikh siap setelah dilanjutkan kali ke-2 ialah 17hb Mei 2014.
- viii. Projek ini juga mendapat perjanjian tambahan iaitu membolehkan pihak kontraktor mendapat lanjutan tarikh siap dari 17hb Mei 2014 ke 20hb Julai 2014 atas sebab kelewatan.
- ix. Siling kos keseluruhan ialah RM 3.6 juta. Kini, kos sebanyak RM 2 juta yang telah dibelanjakan. Setiap pembayaran perlu dipohon oleh JAIS untuk membayar dan menyiapkan projek tersebut.
- x. Tiada laporan tapak tanah disediakan oleh JKR. Selepas masalah tapak tanah tersebut ditemui oleh kontraktor, barulah JKR mengesahkan masalah tanah tersebut.
- xi. Walaupun kos meningkat kesan daripada kelewatan enam bulan, tiada DO dikenakan dan kos asal pembinaan sekolah tersebut dipatuhi. Kini, 94% daripada pembinaan sekolah itu siap dan pembinaan sekolah tersebut dijangka siap pada 22 Julai 2014.

f) Syor PAC :

- i. JKR harus membuat kajian tanah yang menyeluruh supaya tidak mengakibatkan projek mengalami kelewatan yang serius.
- ii. Pemantauan projek yang berkala harus dilakukan oleh JKR dan JAIS untuk memastikan kos tidak meningkat dan supaya penduduk dapat menikmati faedah sekolah tersebut tanpa membuang masa.

3.3.2 Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

- a) Isu: Peruntukan Pembangunan Tidak Dibelanjakan dan Peruntukan Yang Dibelanjakan Kurang Daripada 50%
- b) Jabatan: Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia
- c) Tarikh panggilan: 17 Julai 2014
- d) Kehadiran: i)Y. Bhg. Dato' Ir. Hamizan bin Mohd Inzan
(Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor)

ii)Tuan Sazali bin Harun
(Pengarah Pembangunan dan Pemantauan Projek Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM))
- e) Penemuan:

3.3.2.1 Projek Menaik taraf Laluan B148 Jalan Telok Gong

- i. Kontraktor Projek Menaik taraf Laluan B148 Jalan Telok Gong ialah BNZ Resources, reka bentuk jalan tersebut oleh JKR sendiri dengan nilai projek sebanyak RM 6.35 juta dan tempoh projek adalah selama 79 minggu bermula pada 1 Oktober 2012 dan dijangka siap pada 9 Mei 2014.
- ii. Kemajuan kerja BNZ Resources Sdn Bhd di tapak perlahan dan prestasi kerja kontraktor ialah tidak memuaskan maka JKR tidak membuat pembayaran RM 500 ribu tersebut

- iii. JKR mengambil tindakan menggesa BNZ Resources Sdn Bhd meningkatkan prestasi kerja dan perbelanjaan RM 500 ribu yang tidak dibelanjakan kerana kontraktor gagal mematuhi kontrak.

3.3.2.2 Projek Menaik taraf Jalan B48 daripada Simpang Tiga Jenderam ke Pekan Simpang Lama (Fasa 2)

- i. Kontraktor Projek Menaik taraf Jalan B48 Daripada Simpang Tiga Jenderam ke Pekan Simpang Lama (Fasa 2) ialah Prisma Dinamik, jurutera perunding ialah Zaaba Consultant dengan nilai harga kontrak sebanyak RM 46.85 juta dan tempoh kontrak adalah selama 129 minggu daripada 29 Oktober 2012 hingga 21 September 2016. Kemajuan fizikal ialah 1.8%.
- ii. JKR tidak dapat membuat bayaran kepada Prisma Dinamik pada tahun 2012 kerana pada ketika itu Prisma Dinamik gagal membeli *performance bond* untuk mendapatkan pembayaran daripada JKR. Anggaran perbelanjaan yang tidak dibelanjakan ialah sebanyak RM 500 ribu.
- iii. JKR tidak melaksanakan proses tender Prisma Dinamik dengan betul. Oleh itu, JKR telah melantik jururunding dengan kos bayaran sebanyak RM 84 ribu untuk memastikan kerja-kerja ukur, Siasatan Tanah (S.I), Reka bentuk dan Pelan Pengambilan Balik Tanah selesai. Pengambilan Balik Tanah diwartakan oleh Majlis Perbandaran Sepang pada Jun 2014 dan dijangka selesai pada Ogos 2014.

3.3.2.3 Projek Menaik taraf Jalan Teras Jernang dan Jalan Protokol, Bangi

- i. Kontraktor menaik taraf Jalan Teras Jernang dan Jalan Protokol, Bangi ialah Potensi Cekal, jurutera perunding ialah Khairi Consultant dengan nilai harga projek sebanyak RM 23.35 juta dan tempoh projek adalah selama 129 minggu bermula dari 22 November 2012 hingga 13 November 2014.

- ii. Kemajuan fizikal projek Jalan Teras Jernang dan Jalan Protokol, Bangi ialah sebanyak 73%.
- iii. Rizab Jalan sepanjang laluan Teras Jernang telah dicerobohi. Dalam skop projek struktur persendirian yang telah dibina perlu dirobohkan.
- iv. JKR juga menerima bantahan daripada penduduk di sepanjang laluan di Jalan Teras Jernang yang tidak berpuas hati dengan sebahagian struktur/rumah yang berada dalam rizab jalan dirobohkan.
- v. Setelah rundingan dijalankan, dipersetujui skop kerja dilaksanakan supaya memenuhi standard minima dan ini dapat mengurangkan isu perobohan struktur.
- vi. Potensi Cekal akan diberikan lanjutan masa sehingga Mac 2015 kerana masalah pengalihan struktur/rumah yang berada dalam rizab jalan.
- vii. Kontraktor yang dilantik oleh JKR perlu melepasi syarat teknikal iaitu mempunyai kecairan modal sebanyak 3% daripada harga kontrak yang ditawarkan.
- viii. Walaupun kontraktor Prisma Dinamik berjaya melepasi syarat teknikal seperti di atas tetapi Prisma Dinamik tidak mempunyai modal cukup untuk membeli *performance bond*.
- ix. Jadual kemajuan projek tidak tertera pada kontrak. Tiada imbuhan atau diskaun diberikan kepada kontraktor yang berjaya menyiapkan projek dengan cepat.
- x. Terdapat dua cara jadual kemajuan projek ditetapkan. Cara pertama ialah kontraktor sendiri memaklumkan kepada JKR tempoh masa yang boleh disiapkan. Cara kedua ialah JKR menetapkan jadual tersebut.
- xi. Jika projek lambat ikut jadual sebanyak 20%, JKR akan mengkategorikan projek tersebut sebagai "projek sakit" dan pemantauan yang berkala akan dilakukan.

- xii. Jika kontraktor hanya menyiapkan separuh daripada kerja projek tersebut, JKR akan membatalkan kontrak dengan mengambil kira faktor kos. Kerugian ditanggung oleh kontraktor pertama.
- xiii. JKR juga akan mengenakan denda LAD tiga hingga empat bulan tetapi tindakan denda hanya dapat dilakukan setelah tempoh projek tamat.
- xiv. Jika kontraktor mengalami masalah menyiapkan projek, kontraktor boleh menuntut bayaran pendahuluan dan tidak memerlukan *performance bond*.
- xv. Untuk mengurangkan risiko projek terbengkalai, JKR telah mengambil *non-completion insurance* di mana JKR akan menerima RM 30 juta jika kontraktor gagal menyiapkan projek.

3.3.2.4 Projek Jajaran Lebuhraya Pantai Barat (Banting-Taiping) di Negeri Selangor

- i. Jajaran Lebuhraya Pantai Barat (Taiping-Banting) di negeri Selangor adalah sepanjang 93.8km. Pembinaan lebuhraya tersebut melalui syarikat konsesi IJM Sdn Bhd.
- ii. Tempoh pembinaan lebuhraya tersebut ialah 5 tahun di antara 2014-2019. Jajaran di negeri Selangor akan siap satu tahun lebih awal.
- iii. Terdapat tujuh seksyen dan seksyen tersebut adalah seperti berikut:

Seksyen	Keterangan	Jarak (Km)
1	Banting-SKVE	11.0
2	SKVE-SAE	7.2
3	SAE- NKVE/FHR2	10.1
4	NKVE/FHR2- NNKSB	4.5
5	NNKSB-Kapar	9.7
6	Kapar-Assam Jawa	21.8
7	Assam Jawa- Tanjung Karang	29.5

- iv. Status terkini jajaran negeri Selangor adalah seperti berikut:

No	Perkara	Keterangan	Status Terkini
1	Pengambilan Tanah	Seksyen 4 APT 1960	Telah diwartakan di bawah seksyen 4 APT 1960 untuk seksyen 1,2,3,6 dan 7 lebuhraya
		Seksyen 8 APT 1960	Telah diwarta bagi seksyen 4 dan 5 lebuhraya pada 30 Jun 2014
2	Rekabentuk	Seksyen 4	Telah siap

	Terperinci	(FHR2 I/C- NNKSB I/C)	
		Seksyen 5 (NNKSB I/C- Kapar I/C)	Telah siap
		Seksyen 1, 2, 3, 6 dan 7	Peringkat akhir penyediaan
3	Pembinaan	Seksyen 4 (FHR2 I/C- NNKSB I/C)	Dijadualkan Ogos 2014
		Seksyen 5 (NNKSB I/C- Kapar I/C)	Dijadualkan Ogos 2014
		Seksyen 1,2,3, 6 dan 7	Dijadualkan Februari 2015

- v. Jika pertukaran jajaran hendak dilakukan, pihak JKR harus memaklumkan kepada pihak MTES kerana pihak MTES akan membuat keputusan yang terakhir dengan mengambil kira kos membina jajaran baru tersebut.
 - vi. Semua *interchange* di sepanjang lebuh raya tersebut akan mempunyai *toll* dan main *toll* terletak di Jalan Duta.
 - vii. Kos keseluruhan pembinaan lebuh raya ini ialah RM 5 billion.
- f) Syor PAC:
- i. JKR harus memastikan jadual kemajuan diletakkan dalam kontrak kerana jika tidak, perkara ini akan memberi kesan kepada peruntukan projek
 - ii. Pihak Audit mencadangkan kepada Perbendaharaan Negeri untuk menambah baik laporan kewangan dengan memastikan nilai kumulatif projek pembangunan RMK-10 ditunjukkan supaya dapat dikaji dan dilihat dengan lebih jelas lagi prestasi perbelanjaan dan kemajuan projek pembangunan.

- iii. JKR harus memastikan isu bantahan penduduk perlu ditangani terlebih dahulu dan dipertimbangkan sebagai faktor kritikal dalam jadual kerja.

3.4.1 Jabatan Pengairan Selangor (JPS)

- a) Isu: Peruntukan Pembangunan Projek Tebatan Banjir Sepang Yang Dibelanjakan Kurang Daripada 50%
- b) Jabatan: Jabatan Pengairan Selangor (JPS)
- c) Tarikh panggilan: 9 Oktober 2014
- d) Kehadiran: Ir. Haji Abdul Qahar bin Osman (Pengarah JPS)
- e) Penemuan:
 - i. Projek Tebatan Banjir Sepang JPS mempunyai dua jenis peruntukan iaitu peruntukan untuk kerja ukur dan peruntukan untuk kerja fizikal.
 - ii. Setiap item peruntukan di atas diperuntukkan wang sebanyak RM 50 ribu.
 - iii. Jumlah sebenar peruntukan yang dibelanjakan untuk dua item di atas ialah sebanyak RM 38 ribu dan mempunyai kelebihan sebanyak RM 62 ribu.
 - iv. Sebab utama peruntukan yang dibelanjakan kurang daripada 50% ialah kerana JPS tidak sempat membuat *virement*.
 - v. JPS juga mempunyai amalan melantik kontraktor pada pertengahan atau penghujung tahun dan ini secara langsung memberikan kesan kepada kelewatan menerima *virement*.
 - vi. Kelulusan *virement* mengambil masa antara dua minggu sehingga sebulan daripada Perbendaharaan Negeri.
 - vii. JPS tidak dapat membuat penyelenggaraan secara kerap terutamanya menebas semak dan membersihkan sampah

di parit dan di kawasan sungai rizab kerana peruntukan yang ditetapkan hanya cukup untuk membuat penyelenggaraan sekali setahun.

- viii. JPS mempunyai pelan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah banjir seperti mendirikan *water catchment* di kawasan Bangi tetapi pembinaan reka bentuk *water catchment* hanya mampu bertahan selama 20 tahun.

f) Syor PAC :

- i. JPS harus anjak proses pelantikan kontraktor supaya dapat memulakan projek tebatan banjir dan menyiapkan projek tersebut dengan awal.
- ii. JPS harus memastikan isu penyelenggaraan diselesaikan dengan efisien. Contohnya, untuk memudahkan parit diselenggarakan, parit "*earth drain*" harus ditukar kepada parit "*concrete drain*".
- iii. JPS harus mengkaji cara untuk menukar status kawasan rizab sungai kepada kawasan rekreasi ataupun kawasan tanaman kontan supaya penyelenggaraan sungai dipermudahkan kerana orang ramai akan menjaga kebersihan kawasan tersebut.
- iv. JPS harus memaklumkan dalam mesyuarat penyelarasan bersama agensi PBT yang berkaitan supaya bidang kuasa JPS dan juga agensi PBT yang berkaitan di setiap DUN dapat diselaraskan dan dipamerkan dengan papan tanda yang jelas supaya parit dan sungai dapat diselenggarakan dengan cekap.
- v. JPS harus menggunakan *database* yang sedia ada untuk mengenal pasti kawasan bermasalah supaya masalah banjir dapat diselesaikan secara bersepadu.

3.4.2 UPEN Sektoral

- a) Isu: Peruntukan Pembangunan Program Kerajaan Prihatin Yang Tidak Dibelanjakan Tahun 2012 Serta Peruntukan Pembangunan Dana Industri Kampung Dibelanjakan Kurang Daripada 50%
- b) Jabatan: UPEN Sektoral
- c) Tarikh panggilan: 9 Oktober 2014
- d) Kehadiran: Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz (Timbalan Pengarah UPEN Sektoral)
- e) Penemuan :
 - i. Peruntukan pembangunan Dana Industri Kampung dibelanjakan kurang daripada 50% kerana kelewatan dalam penyediaan dokumen sebut harga yang berkait rapat dengan proses pemilihan dan kelulusan permohonan Dana Industri Kampung yang memakan masa lebih daripada setahun.
 - ii. Sebab utama proses pemilihan dan kelulusan permohonan Dana Industri Kampung ialah kerana UPEN Sektoral ingin memastikan bahawa penerima Dana Industri Kampung merupakan penerima yang benar-benar memerlukannya.
 - iii. Selain itu, proses penapisan permohonan tidak dijalankan dengan efisien oleh Pejabat Daerah menyebabkan UPEN Sektoral terpaksa mengulang balik proses pemilihan dan kelulusan permohonan.
 - iv. Walaupun begitu, didapati penerima manfaat Dana Industri Kampung dapat meningkatkan prestasi jualan sebanyak 30% dan ROI yang diterima lebih kurang 50%.
 - v. Peruntukan pembangunan Program Kerajaan Prihatin tidak dibelanjakan kerana tiada sebarang tuntutan daripada pihak Pejabat Daerah dan Tanah disebabkan pada tahun 2012 tiada sumbangan diperoleh daripada

anak-anak syarikat yang menyebabkan projek tidak dapat dilaksanakan.

- vi. Salah satu program di bawah Program Kerajaan Prihatin ialah pembinaan dan membaik pulih rumah. Secara purata, 166 buah rumah dibina dalam setahun. Projek ini juga mengalami kelewatan kerana Pejabat Daerah dan Tanah tidak membuat tapisan dengan efisien.

f) Syor PAC:

- i. UPEN Sektor al harus mengurangkan birokrasi untuk mempercepatkan dan memudahkan proses pemilihan dan kelulusan permohonan Dana Industri Kampung.
- ii. Proses temu duga harus dijalankan dalam masa dua minggu sebelum tarikh tutup permohonan pada 31hb Mac 2014 supaya permohonan dapat diluluskan dengan cepat.
- iii. UPEN Sektor al harus menjelaskan peranan Pejabat Daerah dalam memastikan semua dokumen lengkap dalam melaksanakan proses penapisan sebelum diserahkan kepada UPEN Sektor al.
- iv. UPEN Sektor al harus melaksanakan proses pemilihan dan permohonan secara bulanan. Jika tidak menerima kerjasama daripada mana-mana pihak yang bertanggungjawab, UPEN Sektor al harus melaporkannya kepada EXCO yang berkaitan.
- v. UPEN Sektor al harus menyediakan anggaran bajet staf berdasarkan permintaan dan permohonan yang sedia ada.
- vi. UPEN Sektor al harus memperluaskan lagi Program Kerajaan Prihatin supaya dapat membantu golongan tersasar.
- vii. Kerajaan Negeri harus mempertimbangkan untuk memansuhkan Dana Industri Kampung ataupun diserapkan di bawah program yang lain seperti Program Hijrah supaya lebih selaras dan dapat membantu golongan yang tersasar.

3.5 Laporan Ketua Negara Tahun 2012 Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Siri 3

3.5.1 Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN)

- a) Isu: Teguran-teguran Audit Negara ke atas penyenggaraan jalan negeri (MARRIS)
- b) Jabatan: Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN)
- c) Tarikh panggilan: 30 Oktober 2014
- d) Kehadiran: Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman (Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri)
- e) Penemuan:

3.5.1.1 Wang Pemberian Tidak Dibelanjakan Secara Optimum

- i. Prestasi perbelanjaan penyenggaraan jalan yang rendah pada tahun 2010 (waktu diaudit) disebabkan beberapa faktor tertakluk kepada skop kerja penyenggaraan yang dibenarkan di bawah Arahan Amanah di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 yang tidak jelas, kekangan kapasiti sumber manusia di peringkat agensi pelaksana dan wang pemberian yang diterima tidak semestinya diperuntukkan kepada agensi pelaksana pada ketika itu tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri sebagai mekanisma kawalan oleh Kerajaan Negeri.
- ii. Mulai tahun 2013, peruntukan perbelanjaan penyenggaraan jalan negeri adalah tertakluk kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Negeri oleh Kementerian Kewangan (MOF) dan Arahan Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Selangor yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.
- iii. Dengan adanya penubuhan Seksyen 10, perbelanjaan penyenggaraan negeri dapat dikawal dengan lebih baik berbanding sebelum tahun 2013 iaitu penyelenggaraan lebih kepada *ad-hoc basis*. Langkah penambahbaikan lebih terancang dilaksanakan dengan menekankan aspek

kawalan mengikut skop yang dibenarkan dan aspek perolehan kerja dilaksanakan selaras dengan dasar “*value for money*”

- iv. Kerajaan Negeri melalui PWN memberi kuasa berbelanja kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) sebagai agensi pelaksana.
- v. Peruntukan yang disalurkan setakat 30 September 2014 adalah berjumlah RM 256.9 juta iaitu 47% daripada peruntukan diluluskan yang berjumlah RM 546.6 juta.
- vi. PWN mempunyai keyakinan perbelanjaan yang diluluskan ini akan digunakan secara optimum bagi tahun 2014.
- vii. PWN memaklumkan bahawa melalui Seksyen 10 ini, wujud senarai inventori jalan-jalan yang perlu dibaiki.

3.5.1.2 Perbelanjaan yang tidak dibenarkan dan tidak dapat disahkan

- i. Laporan Ketua Audit menjelaskan perbelanjaan emolumen berjumlah RM 0.47 juta yang dibayar kepada pegawai/kakitangan Bahagian Jalan, JKR Negeri Selangor merupakan perbelanjaan mengurus yang tidak sepatutnya dikenakan kepada Kumpulan Wang.
- ii. PWN menjelaskan bahawa perbelanjaan tersebut adalah selaras dengan Perkara 7(b) kepada Arahan Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Selangor di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 yang berkuatkuasa mulai 20 Oktober 2004 yang membenarkan wang dalam Akaun ini dibelanjakan bagi tujuan pembayaran gaji serta lain-lain imbuhan kepada pekerja.
- iii. Perbelanjaan berjumlah RM 5.15 juta kepada Pendidikan Industri Yayasan Selangor Sdn Bhd (PIYSB) merupakan penyelesaian kontra antara amaun terhutang oleh Kerajaan Negeri kepada PIYSB dengan pinjaman PIYSB daripada Kerajaan Negeri.

- iv. PWN menjelaskan perbelanjaan tersebut di atas adalah tertakluk pada Seksyen 9 (c) iaitu apa-apa jua perbelanjaan lain yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Perbelanjaan tersebut telah diselaraskan semula pada bulan Oktober 2012.

3.5.1.3 Pelaburan Kumpulan Wang tidak teratur

- i. PWN menjelaskan bahawa pelaburan yang dilaksanakan ke atas baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan atau undang-undang.
 - ii. Pelaburan ke atas baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri yang merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor dilaksanakan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) di bawah Seksyen 8(1), (3)(b) dan (4).
 - iii. PWN menyatakan sekiranya ada lebih daripada mana-mana perbelanjaan, lazimnya ia akan diletakkan dalam pelaburan jangka masa pendek dan ia tidak akan dimasukkan semula (pulang balik) apa-apa keuntungan ke dalam akaun MARRIS.
- f) Syor PAC :
- i. Aspek perancangan perlu ditambah baik dengan menyediakan senarai inventori (penyenaraian) jalan-jalan yang rosak bagi setiap agensi pelaksana supaya pelaksanaan penyenggaraan jalan lebih terancang dan teratur.
 - ii. Faedah daripada pelaburan yang dibuat menggunakan lebihan peruntukan MARRIS perlu dimasukkan semula ke akaun tersebut. PWN memaklumkan bahawa cadangan tersebut akan dipanjangkan kepada Perbendaharaan Malaysia (MOF) memohon pandangan dan pencerahan kaedah pelaburan yang dibuat dan sekiranya tiada halangan, pelaburan secara sedia ada yang dibuat oleh Kerajaan Negeri akan diteruskan oleh PWN.

3.5.2 Jabatan Kerja Raya (JKR)

- a) Isu: Prestasi kerja-kerja penyenggaraan jalan yang kurang memuaskan
- b) Pihak: Jabatan Kerja Raya (JKR)
- c) Tarikh panggilan: 30 Oktober 2014
- d) Kehadiran: Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Hamizan bin Mohd Izan (Pengarah JKR)
- e) Penemuan:

3.5.2.1 Kerja penyenggaraan yang dirancang tidak dilaksanakan

Isu:

- i. Punca kerja penyenggaraan yang dirancang tidak dilaksanakan adalah kekangan sumber kewangan JKR yang menyebabkan Senarai Kerja yang Lulus Permohonan adalah sedikit pada tahun 2012 iaitu jumlah kerja yang dirancang 119 manakala kerja yang dilaksanakan hanya 80.

Penambahbaikan:

- i. JKR memastikan permohonan awal Senarai Kerja beserta kos projek kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum proses pembahagian peruntukan dilaksanakan pada bulan November
- ii. JKR mengadakan Kontrak Berpusat secara 'central' oleh Bahagian Jalan JKR yang terbahagi kepada dua (2) zon mengikut daerah, akan dilaksanakan secara tender terbuka.
- iii. JKR mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan-Jalan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri bagi membincangkan hal-hal berkaitan Laporan Prestasi Perbelanjaan dan Pelaksanaan Projek MARRIS 2014.

3.5.2.2 Kerja penyenggaraan yang diperlukan tidak dilaksanakan

Isu:

- i. Bagi tahun 2012, permohonan bagi kerja penyenggaraan mengikut daerah Klang dan Gombak adalah berjumlah 31 tetapi hanya 6 permohonan diluluskan oleh Bahagian Jalan, JKR.
- ii. Kekangan kewangan merupakan faktor penyebab Senarai Kerja yang Lulus Permohonan adalah sedikit.

Penambahbaikan:

- i. JKR melaksanakan Program Aset Menyeluruh (Pavement Evaluation) sebagai penambahbaikan bagi mengumpul data permukaan jalan dan data inventori jalan dan menjana program penyenggaraan tahunan di mana senarai jalan yang menjadi keutamaan untuk penyelenggaraan berserta kaedah pembaikan yang diperolehi. Panjang jalan yang terlibat bagi peringkat ini adalah sepanjang 1140 km.

3.5.2.3 Kualiti kerja penyenggaraan kurang memuaskan

Isu:

- i. Cat garisan tepi jalan tidak kemas dan permukaan jalan berlubang di penyambung jambatan.

Penambahbaikan:

- i. JKR melaksanakan penambahbaikan dengan melaksanakan konsep "Best Practice" dengan menyenaraikan keperluan dan tindakan sebelum melakukan kerja, keperluan dan tindakan semasa kerja serta keperluan dan tindakan selepas kerja.

3.5.2.4 Kerja penyenggaraan kurang berkesan

Isu:

- i. Jalan baru turap rosak semula dan jalan berlopak semula selepas proses penyenggaraan.

Penambahbaikan:

- i. Penambahbaikan yang dilakukan oleh JKR termasuk mengkompilasikan sebuah buku Garis Panduan bagi Kerja Penyenggaraan khususnya kerja-kerja *Premix* dan buku tersebut akan diguna pakai oleh setiap JKR Daerah dan juga PBT.
- ii. Selain itu, pelaksanaan Program Aset Menyeluruh (Pavement Evaluation) turut dilaksanakan.

3.5.2.5 Maklumat Jalan MARRIS tidak dikemaskinikan

Penambahbaikan:

- i. Pihak JKR, PWN dan PBT membuat semakan terhadap proses pembayaran dan juga status jalan yang berdaftar dengan MARRIS.
- ii. Sehingga Oktober 2014, Jalan Negeri berdaftar di bawah MARRIS dan penyelenggaraan dilaksanakan oleh JKR Selangor adalah sepanjang 3990.765 km.

f) Syor PAC:

- i. Garis panduan kerja penyenggaraan perlu menyatakan kerja-kerja penyenggaraan tidak boleh dilakukan semasa musim hujan iaitu kerja-kerja penyenggaraan perlu disiapkan sebelum bulan September untuk memastikan kualiti kerja jalan memuaskan.
- ii. Kelulusan bagi jalan-jalan yang akan dibaiki dan peruntukan perlu diberi awal kepada agensi pelaksana supaya kerja-kerja dapat dirancang dengan teratur.
- iii. Memperluaskan skop kerja yang boleh dibuat di bawah MARRIS yang melibatkan baik pulih jalan, struktur jalan

dengan membawa isu ini ke peringkat perbincangan MOF agar Pekeliling MARRIS boleh ditambah baik.

3.5.3 UPEN Seksyen Agihan

- a) Isu: Peruntukan pembangunan tidak dibelanjakan tahun 2012 dan dibelanjakan kurang daripada 50%
- b) Pihak: UPEN Seksyen Agihan
- c) Tarikh panggilan: 30 Oktober 2014
- d) Kehadiran: Encik Hasry bin Mohd Noor (Timbalan Pengarah Seksyen Agihan, UPEN)
- e) Penemuan:

3.5.3.1 Peruntukan tidak dibelanjakan tahun 2012

- i. Peruntukan pembangunan yang tidak dibelanjakan pada tahun 2012 melibatkan Galeri Shah Alam.
- ii. Tiada permohonan daripada pihak Galeri bagi tujuan penggunaan. Peruntukan RM 200 ribu ini disediakan dalam bajet tahun 2012 namun begitu, tiada *brief* projek diberikan oleh UPEN sehingga kini.

3.5.3.2 Peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50%

- i. Peruntukan pembangunan yang telah diperuntukkan dibelanjakan kurang daripada 50% ialah melibatkan projek di bawah Dewan Orang Ramai, Infrastruktur Asas PBT, Kemudahan Awam dan Pembangunan Orang Asli

3.5.3.3 Maklum Balas UPEN

- i. Dewan Orang Ramai-peruntukan disediakan berjumlah RM 500 ribu dan yang dibelanjakan RM 106, 534.00.
- ii. Infrastruktur Asas PBT-peruntukan disediakan sebagai peruntukan sokongan kepada PBT untuk menampung

keperluan di PBT. Sebanyak RM 2 juta disediakan dan masih belum dibelanjakan.

- iii. Kemudahan Awam-peruntukan disediakan berjumlah RM 2 juta dan sejumlah RM 202,320.00 telah dibelanjakan.
 - iv. Pembangunan Orang Asli-baki peruntukan tidak dipohon oleh STANCO Orang Asli. Peruntukan yang disediakan adalah berjumlah RM 300 ribu dan perbelanjaan yang telah digunakan sebanyak RM 124, 721.00.
 - v. Projek-projek di bawah PBT, ada peruntukan yang diperoleh dari vot yang berlainan daripada vot yang telah diperuntukkan berdasarkan keputusan/ulasan PWN ketika permohonan dipertimbangkan. Vot yang lazimnya dipakai adalah vot-Pelbagai.
 - vi. Permohonan yang dibuat oleh PBT akan dipertimbangkan sebagai peruntukan tambahan berdasarkan keperluan yang mendesak. Sekiranya, permohonan lebih kepada projek mencantikkan PBT, ia menjadi tanggungjawab PBT untuk menggunakan peruntukan PBT yang sedia ada bukan peruntukan tambahan Kerajaan Negeri.
- f) Syor PAC:
- i. UPEN dinasihatkan untuk mengingatkan kepada PBT supaya menggunakan peruntukan yang telah diperuntukkan sebelum menggunakan peruntukan daripada sumber lain. Sekiranya ini berlaku, penggunaan peruntukan akan dapat dicapai pada tahap optimum.
 - ii. Vot projek perlu lebih spesifik dan tidak boleh terlalu am.

3.5.4 Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

- b) Isu: Prestasi aduan pengguna dan kejadian kecemasan dan Prestasi Penyelenggaraan Jalan
- b) Pihak: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
- c) Tarikh panggilan: 30 Oktober 2014

d) Kehadiran: Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor)

e) Penemuan:

3.5.4.1 Kerja penyenggaraan yang dirancang tidak dilaksanakan

- i. MBSA menjelaskan kesemua kerja yang dirancang pada tahun 2012 sebanyak 63 kerja dilaksanakan dengan kos sebanyak RM 8.57 juta.

3.5.4.2 Kerja penyenggaraan yang diperlukan tidak dilaksanakan

- i. MBSA mempunyai 21 kerja yang masih belum dilaksanakan sehingga Mac 2013.
- ii. Papan tanda jalan yang dihalang oleh pokok, papan tanda keselamatan yang ditampal dengan iklan tidak dibersihkan dan keadaan jalan yang tidak memuaskan serta boleh menjejaskan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan.

3.5.4.3 Kualiti kerja penyenggaraan kurang memuaskan

- i. Terdapat 7 kerja yang didapati kurang memuaskan dan satu kes ialah lebihan turapan dibuang di tepi jalan.
- ii. MBSA telah mengambil tindakan dengan memastikan keadaan turapan jalan dalam keadaan baik, dinding *sump* yang retak diperbaiki, bahu jalan bebas dari sisa turapan, kerosakan dinding longkang diperbaiki dan kerosakan jalan diperbaiki.

3.5.4.3 Tindakan terhadap aduan pengguna dan kejadian kecemasan adalah memuaskan tetapi masih boleh dipertingkatkan

- i. Rekod data MARRIS yang bertindih bagi MBSA dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dimasukkan dalam kategori hapus pada 21 Julai 2014.
 - ii. MBSA selesai dengan senarai MARRIS yang baru bagi tahun 2015 dan sedang proses kelulusan oleh JKR Daerah.
 - iii. Prestasi penyelesaian Aduan Pengguna diambil tindakan kurang daripada 14 hari ialah sebanyak 46.3% manakala sebanyak 53.7% diambil tindakan melebihi 14 hari iaitu permohonan menurap jalan. Sehingga hujung tahun 2012, kesemua aduan telah diambil tindakan.
- f) Syor PAC:
- i. Penambahbaikan Pekeliling MARRIS oleh Kerajaan Negeri boleh dibuat dengan meningkatkan jumlah yang boleh tender ialah 20% lebih daripada amaun yang diluluskan kerana lebihan wang MARRIS masih boleh menampung kerja-kerja yang akan dilakukan untuk mencapai penggunaan peruntukan yang optimum.
 - ii. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) harus melaksanakan pengauditan ataupun penyiasatan bagi memastikan penawaran tender diberikan kepada kontraktor yang benar-benar mempunyai peralatan dan kapasiti yang mencukupi untuk melaksanakan projek di bawah MARRIS dalam tempoh yang ditetapkan.

4. Penutup :

Berdasarkan laporan di atas, Jawatankuasa PAC telah berjaya memainkan peranan dan fungsi menyemak dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan tadbir urus negeri Selangor. Jawatankuasa PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan memberi penghargaan untuk Jabatan Audit Negeri yang turut serta, juga kepada semua pihak yang hadir memberi penjelasan, kepada ahli jawatankuasa PAC dan lain-lain.

Sesungguhnya Jawatankuasa PAC bertujuan untuk meneliti dan menyemak perjalanan urus tadbir kewangan negeri supaya menepati maksud *Competency, Accountability and Transparency* (CAT).

5. Perakuan

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2012 dan tahun 2013 dengan ini dibentangkan kepada Dewan Negeri Selangor untuk penerimaannya mengikut Peraturan Tetap 76(5).



(Y.B. Tuan Ng Suee Lim)

Pengerusi

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor

Dewan Negeri Selangor

13 Julai 2015

Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor Ketiga Belas pada tahun 2015 adalah terdiri daripada:-

i)Y.B Tuan Ng Suee Lim (ADN Kawasan Sekinchan)	Pengerusi
ii)Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (ADN Kawasan Meru)	Ahli
iii)Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong)	Ahli
iv)Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (ADN Kawasan Batu Tiga)	Ahli
v)Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias (ADN Kawasan Sungai Burong)	Ahli
vi)Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro (ADN Kawasan Jeram)	Ahli
vii)Y.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (ADN Kawasan Kajang)	Ahli

Urus Setia:

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- iv) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- v) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker